

TATACARA ADAB MENGIMARAH MASJID

Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, K. A. (2008). *Tatacara Adab Mengimarah Masjid in Pengimarah masjid dalam agenda ummah*. Skudai, Johor Baru: Universiti Teknologi Press, pp. 15-41. ISBN: 978-983-52-0507-1.

Pendahuluan

Masjid dipanggil sebagai baitullah, iaitu rumah Allah S.W.T. Apabila menyebut tentang rumah Allah S.W.T., iaitu selaku rumah Raja bagi segala raja di dunia dan akhirat, maka protokol di rumahNya sudah tentu perlu diambil berat oleh manusia yang mengunjunginya agar kesan rahmat, kasih sayang dan hidayah-Nya benar-benar dapat dimiliki oleh pengunjungnya. Justeru, dalam artikel ini, perbincangan akan menumpukan secara ringkas tatacara adab dalam masjid dengan melihat kepada peranan, matlamat dan kelebihan tatacara adab tersebut yang diambil daripada sumber alQuran dan hadis.

Masjid menurut Ibnu Manzur, (1997: 204/3) merupakan *ism makan* yang bererti *tempat orang yang sujud di atasnya*. Al-Dzujaj mendefinisikan masjid sebagai semua tempat yang terdapat orang beribadat (kepada Allah S.W.T.). Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. (al-Bukhari, 1994: 129/1; al-Nasa'i, 1930: 210/1):

Terjemahan: *Daripada Jabir bin 'Abdullah, dia melaporkan, "Rasulullah s.a.w. bersabda, "Aku diberikan (oleh Allah S.W.T.) lima perkara yang belum pernah diberikan kepada seorang nabi pun..dan dijadikan untukku bumi sebagai masjid dan suci."* (Al-Bukhari)

Kemudian perkataan masjid menurut Sibawaih (Ibnu Manzur, 1997: 204/3) dijadikan nama bagi rumah (ibadat orang Islam). Definisi ini disokong oleh Kamus Dewan (1995: 1002) yang menyatakan bahawa masjid merupakan bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah yang lain. Masjid disebut *rumah Allah* berdasarkan banyak firman Allah, antaranya,

Terjemahan: *Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.*

(Surah *al-Taubah*, 9:18)

Terjemahan: *(Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang.*

(Surah *al-Nur*, 24:36)

Oleh kerana rumah Allah S.W.T. di dunia adalah masjid, maka Islam telah memperkenalkan protokol dan tatacara yang sesuai dengan kebesaran rumah tersebut untuk diamalkan oleh umat Islam di dunia ini. Gambaran protokol ini boleh digambarkan sebagaimana umat manusia yang dijemput ke istana raja di dunia. Mereka akan memperhatikan pakaian yang sesuai, buat tangan yang setaraf dengan kedudukan raja dan mengetahui, mempraktikkan protokol yang telah digariskan di istana agar tidak dimurkai oleh raja yang menjemputnya. Namun begitu gambaran ini tidak boleh menyamai dengan Raja bagi segala raja, iaitu Allah S.W.T. dengan segala kebesaran dan keagungannya, kerana Dia tiada tandingnya dengan raja-raja di dunia. Subtajuk berikut akan membincangkan tatacara ketika berada di rumah Allah S.W.T., iaitu masjid dengan melihat hikmat dan tujuan tatacara tersebut.

Mohd. Ismail Mustari
Kamarul Azmi Jasmi

Pengimarahhan Masjid dalam Agenda Ummah

Pengimarahhan Masjid dalam Agenda Ummah

Mohd. Ismail Mustari
Kamarul Azmi Jasmi



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Penerbit
UTM Press

ISBN 978-983-52-0507-1
9 789835 205071



Pengimarahannya Masjid dalam Agenda Ummah

Pengimarahkan Masjid dalam Agenda Ummah

Editor

Mohd. Ismail Mustari
Kamarul Azmi Jasmi



www.penerbit.utm.my

2008

Edisi Pertama 2008
© MOHD. ISMAIL MUSTARI & KAMARUL AZMI JASMI 2008

Hak cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Pengimarahannya dalam agenda ummah / editor Mohd. Ismail Mustari,
Kamarul Azmi Jasmi.

Mengandungi indeks
ISBN 978-983-52-0507-1

1. Mosques--Organization and administration. 2. Mosques as community centers. I. Mohd. Ismail Mustari. II. Kamarul Azmi Jasmi. III. Judul. 297.65

Pereka Kulit: **MOHD ASMAWIDIN BIDIN**

Diatur huruf oleh / Typeset by
KAMARUL AZMI JASMI
Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by

PENERBIT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
34 – 38, Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti,
81300 Skudai,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

(PENERBIT UTM anggota PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION dengan no. keahlian 9101)

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by

UNIVISION PRESS
Lot 47 & 48, Jalan SR 1/9, Seksyen 9
Jln. Serdang Raya, Tmn Serdang Raya
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

KANDUNGAN

Prakata	vii
Transliterasi	x
Singkatan	xii
Bab 1 Pengimarahkan Masjid: Tanggungjawab Setiap Muslim	1
Bab 2 Tatacara Adab Mengimarah masjid	15
Bab 3 Limitasi dan Absolutasi Aktiviti Masjid Menurut Islam	43
Bab 4 Iktikaf Ketika Mengimarahkan Masjid: Hukum dan Perbahasan	57
Bab 5 Menginsafi kisah Ashabul Kahfi dan Ashabul Ukhdud dalam memugar kesedaran rakan masjid	75
Bab 6 Peranan Muslimah dalam Pengimarahkan Masjid	95
Bab 7 Memperkasa Program Masjid: Fokus kepada Pembangunan IPT	109

Bab 8	Pelaksanaan Program Takmir: Suatu Tinjauan di Melaka	119
Bab 9	Pengimarahkan Masjid Asas Pembangunan Modal Insan: Kajian di Masjid al-Alami MITC, Melaka	133
Bab 10	Kajian Prioriti Audiens Terhadap Aktiviti Dakwah Di Masjid Bandar Baru Uda dan Masjid Taman Universiti	144
Bab 11	Mahasiswa dan Program Pengimarahkan Masjid Universiti	167
Bab 12	Mengimarahkan Masjid Melalui Program Pengajian Al-Quran: Kajian di Dua Buah Masjid Jamek Daerah Johor Bahru	179
Indeks		191

2

TATACARA ADAB MENGIMARAH MASJID

Kamarul Azmi Jasmi

PENGENALAN

Masjid dipanggil sebagai baitullah, iaitu rumah Allah S.W.T. Apabila menyebut tentang rumah Allah S.W.T., iaitu selaku rumah Raja bagi segala raja di dunia dan akhirat, maka protokol di rumah-Nya sudah tentu perlu diambil berat oleh manusia yang mengunjunginya agar kesan rahmat, kasih sayang dan hidayah-Nya benar-benar dapat dimiliki oleh pengunjunginya. Justeru, dalam artikel ini, perbincangan akan menumpukan secara ringkas tatacara adab dalam masjid dengan melihat kepada peranan, matlamat dan kelebihan tatacara adab tersebut yang diambil daripada sumber al-Quran dan hadis.

Masjid menurut Ibnu Manzur, (1997: 204/3) merupakan ism makan yang bererti tempat orang yang sujud di atasnya. Al-Dzujaj mendefinisikan masjid sebagai semua tempat yang terdapat orang beribadat (kepada Allah S.W.T.). Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. (al-Bukhari, 1994: 129/1; al-Nasa'i, 1930: 210/1),

عن جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُعْطِيَتْ خَمْسًا لَمْ يُعْطِهِنَّ أَحَدٌ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ .. وَجُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ مَسْجِدًا وَطَهُورًا.

Terjemahan: Daripada Jabir bin ‘Abdullah, dia melaporkan, “Rasulullah s.a.w. bersabda, “Aku diberikan (oleh Allah S.W.T.) lima perkara yang belum pernah diberikan kepada seorang nabi pun..dan dijadikan untukku bumi sebagai masjid dan suci.”

(Al-Bukhari)

Kemudian perkataan masjid menurut Sibawaih (Ibnu Manzur, 1997: 204/3) dijadikan nama bagi rumah (ibadat orang Islam). Definisi ini disokong oleh Kamus Dewan (1995: 1002) yang menyatakan bahawa masjid merupakan bangunan khas tempat umat Islam melakukan solat Jumaat dan ibadah yang lain. Masjid disebut rumah Allah berdasarkan banyak firman Allah, antaranya,

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنِ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى
الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Terjemahan: Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

(Surah al-Taubah, 9:18)

فِي بُيُوتٍ أُذِنَ لِلَّهِ أَنْ تَرْفَعَ وَيُذَكَّرَ فِيهَا أَسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ
وَالْأَصَالِ ﴿٣٦﴾

Terjemahan: (Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang.

(Surah al-Nur, 24:36)

Oleh kerana rumah Allah S.W.T. di dunia adalah masjid, maka Islam telah memperkenalkan protokol dan tatacara yang sesuai dengan kebesaran rumah tersebut untuk diamalkan oleh umat Islam di dunia ini. Gambaran protokol ini boleh digambarkan sebagaimana umat manusia yang dijemput ke istana raja di dunia. Mereka akan memperhatikan pakaian yang sesuai, buat tangan yang setaraf dengan kedudukan raja dan mengetahui, mempraktikkan protokol yang telah digariskan di istana agar tidak dimurkai oleh raja yang menjemputnya. Namun begitu gambaran ini tidak boleh menyamai dengan Raja bagi segala raja, iaitu Allah S.W.T. dengan segala kebesaran dan keagungannya, kerana Dia tiada tandingnya dengan raja-raja di dunia. Subtajuk berikut akan membincangkan tatacara ketika berada di rumah Allah S.W.T., iaitu masjid dengan melihat hikmat dan tujuan tatacara tersebut.

KETIKA HENDAK KE MASJID

Ketika hendak ke masjid, pakaian yang sesuai perlu diperhatikan. Penjagaan dan kebersihan fitrah seperti kuku, bulu-bulu yang disunatkan dicukur atau dicabut, menggosok gigi, memilih pakaian yang sesuai lagi bersih dan kemas diri seperti memakai bau-bauan bagi lelaki dan menyikat rambut dan janggut. Penjagaan ini lebih-lebih lagi sunat muakkad ketika hari Jumaat (al-Syarbini,

2004). Keadaan ini sangat disukai oleh Allah (Muslim 2001/54; Ahmad 1994: 58/2) dan para Malaikat yang berada dalam Masjid.

Penjagaan fitrah manusia sebagaimana yang disebutkan dalam satu laporan (al-Bukhari, 1994: 73/7; Muslim, 2001: 113; al-Tarmidzi, 1994: 347/4; al-Nasa'i, 1930: 13/1; Abu Dawud, 1994: Kitab al-Tarajjul; Ibn Majah, t.thn.: 107/1; Ahmad, 1994: 6/3):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ الْفِطْرَةُ خَمْسُ الْخِتَانِ وَالِاسْتِحْدَادِ وَقَصِّ الشَّارِبِ وَتَقْلِيمِ الْأَظْفَارِ وَتَتْفِ الْأَبَاطِ.

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah yang melaporkan bahawa aku mendengar Nasbi s.a.w. bersabda fitrah (yang ada pada manusia) ada lima, iaitu, bersunat, (mencukur) bulu ari-ari, menggunting misai, memotong kuku, dan (mencabut) bulu ketiak.”

(Al-Bukhari dan Muslim)

Pemilihan pakaian yang sesuai ada disebut dalam firman Allah,

﴿يَبْنَیْ ءَادَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ﴾

Terjemahan: Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.”

(Surah al-A'raf, 7:31)

Al-zinah yang disuruh dalam ayat ini ialah pakaian yang disuruh pakai dalam keadaan menutup aurat ketika di masjid (al-

Tabari, 2001: 186/10). Menurut Ibn Kathir (1993: 201/2), ayat ini membawa maksud adalah menjadi sunnah yang disunatkan bagi mencantikan diri untuk pergi bersolat ke masjid teristimewanya ketika hari Jumaat dan hari raya. Selain itu, memakai bau-bauan yang wangi juga dianggap sebagai perhiasan sedangkan menggosok gigi menyempurnakan lagi perhiasan tersebut. Sebaik-baik pakaian ialah yang berwarna putih berdasarkan hadis (al-Tarmidzi, 1994: 301/2),

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ الْبَسُوا مِنْ ثِيَابِكُمُ الْبَيَّاضَ فَإِنَّهَا مِنْ خَيْرِ ثِيَابِكُمْ

Terjemahan: Ibnu Abbas melaporkan, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Pakailah pakaian kamu yang berwarna putih kerana pakaian warna tersebut merupakan pakaian yang terbaik.”

(Al-Tarmidhi)

Hikmah pemilihan pakaian berwarna putih adalah untuk mengelakkan pandangan orang lain terutamanya ketika mereka sedang solat yang boleh mengurangkan kekusyukkannya. Selain itu warna ini menggalakkan persamaan dan mengelakkan sifat riak yang sangat dilarang ketika berpakaian. Rasulullah s.a.w. ada bersabda (al-Bukhari, 1994: 43/7; Ahmad, 1994: 600/2),

كُلُوا وَاشْرَبُوا وَابْسُوا وَتَصَدَّقُوا فِي غَيْرِ إِسْرَافٍ وَلَا مَخِيلَةٍ

Terjemahan: Makanlah dan minumlah, berpakainlah serta bersedekahlah selagi tidak melampaui batas dan menimbulkan kebanggaan diri.

(Al-Bukhari)

Selain pemilihan pakaian yang bersih, kemas diri seperti menyerika baju, menyikat rambut juga sangat ditekankan oleh Rasulullah s.a.w. ketika di Masjid (Abu Dawud, 1994: Kitab al-Libas; al-Nasa'i, 1930: 181/8),

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَتَانَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَأَى رَجُلًا شَعْتًا قَدْ تَفَرَّقَ شَعْرُهُ فَقَالَ أَمَا كَانَ يَجِدُ هَذَا مَا يَسْكُنُ بِهِ شَعْرَهُ وَرَأَى رَجُلًا آخَرَ وَعَلَيْهِ ثِيَابٌ وَسِخَةٌ فَقَالَ أَمَا كَانَ هَذَا يَجِدُ مَاءً يَغْسِلُ بِهِ تَوْبَهُ.

Terjemahan: Jabir r.a. melaporkan Rasulullah datang kepada kami (ketika dalam masjid), lalu Rasulullah s.a.w. ternampak seorang lelaki yang kusut masai dan rambutnya tidak bersikat. Lantas Rasulullah s.a.w. bersabda, “Adakah dia ini tidak ada sesuatu yang boleh merapikan rambutnya. Kemudian Baginda s.a.w. ternampak pula seorang lelaki lain yang terdapat kekotoran di bajunya lalu bersabda, “Adakah dia ini tidak mempunyai air untuk membasuh bajunya.”

(Abu Dawud dan al-Nasa'i)

Hadis ini membawa maksud bahawa selain pemilihan pakaian yang bersih, kemas pakaian dan diri juga adalah lambang ketinggian sikap individu. Selain itu, pemilihan pakaian dan kemas ini juga merupakan satu bentuk penghormatan manusia kepada Allah S.W.T. ketika mengadap-Nya di masjid. Hal ini yang sama seperti penghormatan rakyat dalam keramaian raja dengan mereka memakai pakaian yang sesuai mengikut status bagi menghormatinya.

KETIKA MASUK DAN KELUAR MASJID

Sebaik-baik bacaan ketika masuk ke masjid dengan mengamalkan bacaan doa yang lengkap yang mewakili amalan doa beberapa buah hadis, iaitu,

أَعُوذُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ وَبِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ وَسُلْطَانِهِ الْقَدِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ،
بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامِ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ
رَحْمَتِكَ

Terjemahan: Aku berlindung kepada Allah Yang Maha Agung dan dengan wajah-Nya yang Mulia dan kerajaan-Nya yang tiada permulaan daripada Syaitan yang direjam. Dengan nama Allah serta selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah. Ya Allah! Ampunilah dosa-dosaku dan bukannya pintu rahmat-Mu kepadaku.

Manakala ketika keluar sebaik-baik bacaan juga ialah bacaan yang mengamalkan beberapa buah hadis sebagaimana dalam rangkuman bacaan doa ini,

بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامِ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ
فَضْلِكَ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ، اللَّهُمَّ اعْصِمْنِي مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

Terjemahan: Dengan nama Allah serta selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah. Ya Allah! Ampunilah dosa-dosaku dan bukannya pintu kelebihan-Mu kepadaku. Ya Allah! Aku memohon kelebihan-Mu. Ya Allah! Aku memohon perlindungan-Mu daripada syaitan yang direjam.

Cara pengamalan doa yang ditunjukkan adalah bersumberkan daripada hadis Nabi s.a.w. Sebagai contoh permohonan daripada syaitan bersumberkan hadis (Abu Dawud, 1994: 122/1),

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ كَانَ إِذَا دَخَلَ
الْمَسْجِدَ قَالَ أَعُوذُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ وَبِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ وَسُلْطَانِهِ الْقَدِيمِ مِنَ

الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ قَالَ أَقْطُ قُلْتُ نَعَمْ قَالَ فَإِذَا قَالَ ذَلِكَ قَالَ الشَّيْطَانُ حُفْظًا
مَنْي سَأْتِرَ الْيَوْمَ.

Terjemahan: ‘Abdullah bin ‘Amru ibn al-‘As melaporkan daripada Nabi s.a.w. bahawa kebiasaan Nabi apabila masuk ke masjid akan berdoa,

أَعُوذُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ وَيُوجِّهَهُ الْكَرِيمِ وَسُلْطَانَهُ الْقَدِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Seorang bertanya, “Adakah doa itu sahaja memadai?” Dia menjawab, “Apabila seseorang itu membacanya syaitan akan berkata, dia dipelihara oleh Allah S.W.T. daripadaku sepanjang hari.”

(Abu Dawud)

Manakala bacaan lain sebagaimana hadis berikut (Ibn Majah, t.thn.: 253/1; Ahmad, 1994: 158/10),

عَنْ فَاطِمَةَ بِنْتِ رَسُولِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِذَا
دَخَلَ الْمَسْجِدَ يَقُولُ بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي
وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ وَإِذَا خَرَجَ قَالَ بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ فَضْلِكَ.

Terjemahan: Fatimah binti Rasulullah s.a.w. melaporkan apabila Rasulullah s.a.w. masuk ke masjid, Baginda akan membaca,

بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ

dan apabila keluar masjid Baginda membaca pula doa ini,

بِسْمِ اللَّهِ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ فَضْلِكَ.

(Ibnu Majah dan Ahmad)

Selain selawat yang pendek, selawat yang panjang juga digalakkan ketika masuk dan keluar masjid. Ini berdasarkan hadis (Ibn Majah, t.thn.: 254/1) berikut,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمْ الْمَسْجِدَ فَلْيَسَلِمْ عَلَى النَّبِيِّ زَلِيْقُلِ اللَّهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ وَإِذَا خَرَجَ فَلْيَسَلِمْ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلْيَقُلِ اللَّهُمَّ اعْصِمْنِي مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ .

Terjemahan: Abu Hurairah r.a. melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Apabila seorang kamu masuk, maka hendaklah dia menselawat dan memberi salam ke atas Nabi s.a.w. seterusnya bacalah doa,

اللَّهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ

Begitu juga apabila dia keluar daripada masjid, maka hendaklah dia menselawat dan memberi salam ke atas Nabi seterusnya dia membaca doa,

اللَّهُمَّ اعْصِمْنِي مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ .

(Ibnu Majah)

Sekurang-kurang bacaan ketika masuk dan keluar ialah dengan doa tanpa bismillah dan selawat ke atas nabi. Kaedah ini sebagaimana yang dilaporkan oleh banyak hadis yang menjelaskan (Muslim, 2001: 254; Abu Dawud, 1994: 123/1; Ibn Majah, t.thn.: 254/1),

عَنْ أَبِي حُمَيْدٍ أَوْ عَنْ أَبِي أُسَيْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمْ الْمَسْجِدَ فَلْيَقُلِ اللَّهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ وَإِذَا خَرَجَ فَلْيَقُلِ اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ .

Terjemahan: Abu Humaid atau Abu Usaid r.a. melaporkan Rasulullah s.a.w. bersabda, “Apabila seseorang kamu masuk ke masjid hendaklah dia membaca,

اللَّهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ

Begitu juga apabila keluar dia hendaklah membaca,

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ.

(Muslim)

Perkara yang paling utama daripada segala bacaan ini ialah pengharapan kepada rahmat dan kelebihan Allah S.W.T. dalam kehidupan serta pengharapan terhadap pemeliharaan diri daripada kedurjanaannya syaitan yang sentiasa mencari peluang untuk mencelakakan manusia. Manusia akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat apabila kehidupan mereka dirahmati serta diganjar dengan sebaik-baiknya. Selain itu, diri manusia juga akan mendapat kebahagiaan apabila mereka sentiasa terpelihara daripada hasutan syaitan yang cuba menyesatkan mereka.

Selain doa ketika masuk ke pintu masjid, para jemaah lelaki dan wanita perlu memilih pintu yang dikhususkan untuk mereka masuk. Ini kerana Islam amat memberi perhatian terhadap penjagaan maruah wanita serta amat mengalu-alukan sifat kewanitaan seperti sifat malu. Hal ini yang menjadi alasan tentang kenapa pintu masuk bagi wanita di masjid amat dikehendaki untuk dikhususkan kepada mereka. Sebuah hadis dilaporkan (Abu Dawud, 1994: 121/1),

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ لَوْ تَرَكَنَا هَذَا الْبَابَ لِلنِّسَاءِ قَالَ نَافِعٌ فَلَمْ يَدْخُلْ مِنْهُ ابْنُ عُمَرَ حَتَّى مَاتَ

Terjemahan: Ibnu Umar melaporkan, “Rasulullah s.a.w. bersabda, “Kalaulah boleh kita khususkan pintu ini kepada para wanita!” Nafi’ berkata, “Sejak itu Ibnu Umar tidak pernah masuk melalui pintu itu sehinggalah beliau meninggal dunia.”

(Abu Dawud)

Terdapat juga perkara yang sangat tidak digalakkan ketika masuk ke masjid jika ada pada seseorang, iaitu bau busuk yang datang daripada sesuatu seperti bawang merah dan putih yang mentah; petai dan jering; atau bau yang menyakitkan serta menyengat hidung seperti durian. Bau badan dan pakaian kerana kotor atau tidak mandi juga termasuk dalam kategori ini. Kemakruhan membawa masuk semua perkara yang busuk ini qias daripada hadis makan bawang, iaitu (Muslim, 2001: 201; al-Nasa'i, 1930: 43/2; al-Darimi, t.thn.: 102/2)

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ أَكَلَ مِنْ هَذِهِ الْبَقْلَةِ الثُّومِ
وَقَالَ مَرَّةً مِنْ أَكْلِ الْبَصَلِ وَالثُّومِ وَالْكَرَاتِ فَلَا يَقْرِبَنَّ مَسْجِدَنَا فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ
تَتَأَذَى مِمَّا يَتَأَذَى مِنْهُ بَنُو آدَمَ.

Terjemahan: Jabir bin Abdullah r.a. melaporkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, “Sesiapa yang makan bawang merah dan bawang putih, maka janganlah dia menghampiri masjid kami. Ini kerana para Malaikat terganggu sebagaimana manusia juga terganggu (dengan bau yang busuk).”

(Muslim)

Justeru, adalah menjadi tuntutan bagi umat Islam yang telah memakan sesuatu yang berbau di mulut untuk membersihkannya dahulu sebelum masuk ke masjid. Begitu juga pakaian dan badan yang kotor lagi berbau kerana pekerjaan seperti menoreh getah, pomen kereta dan motor perlu mandi dan menukar pakaian yang bersih sebelum masuk ke masjid bagi menghormati para makmum dan malaikat apatah lagi bagi menghormati Allah S.W.T.

TUNTUTAN KETIKA BERADA DALAM MASJID

Terdapat amalan yang dituntut ketika umat Islam berada dalam masjid. Antaranya, ialah solat dua rakaat, menunggu di tempat solat jika tidak ada halqah ilmu, duduk dalam halqah ilmu selepas

solat sunat dan membersihkan persekitaran masjid jika ternampak kekotoran.

Solat Dua Rakaat

Tuntutan utama seseorang yang baru sahaja masuk ke masjid sebelum mereka duduk ialah solat dua rakaat. Solat ini tidak kira sama ada solat tahyat al-masjid, solat sunat wuduk, dan solat yang mengiringi solat (al-Bujairimi, t.thn.). Hukum ini berdasarkan sebuah hadis (al-Bukhari, 1994: 130/1; Muslim, 2001: 254; al-Tarmidzi, 1994: 340/1; Abu Dawud, 1994: 122; al-Nasa'i, 1930: 53/2; Ahmad, 1994: 434/5; Malik, 2003: 122; al-Darimi, t.thn.: 323-324/1) yang menjelaskan,

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمْ
الْمَسْجِدَ فَلْيُرْكَعْ رَكْعَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يَجْلِسَ.

Terjemahan: Abu Qatadah al-Salami melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Apabila seorang kamu masuk ke masjid, maka hendaklah dia solat dua rakaat sebelum dia duduk.

(Al-Bukhari dan Muslim)

Hukum solat ini tidak kira ketika ada halqah ilmu atau pun tidak kerana tuntutan solat bagi menghormati masjid tidak boleh ditinggalkan (Muhammad Khidir, 2006). Sebab itu, apabila ada seorang sahabat yang masuk ke masjid sewaktu Rasulullah s.a.w. sedang berkhotbah, Baginda s.a.w. memerintahkannya untuk bersolat dua rakaat yang ringkas, iaitu tanpa bacaan surah serta zikir rukun yang dipendekkan. Hadisnya seperti berikut (Muslim, 2001: 304),

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ جَاءَ سُلَيْكُ الْغَطَفَانِيُّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ فَجَلَسَ فَقَالَ لَهُ يَا سُلَيْكُ قُمْ فَارْكَعْ رَكْعَتَيْنِ وَتَجَوِّزْ فِيهِمَا ثُمَّ قَالَ إِذَا جَاءَ أَحَدُكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ فَلْيَرْكَعْ رَكْعَتَيْنِ وَلِيَتَجَوِّزْ فِيهِمَا.

Terjemahan: Jabir ibn ‘Abdullah melaporkan bahawa dating Sulaik al-Ghatafani pada hari Jumaat dan ketika itu Rasulullah s.a.w. sedang berkhotbah. Beliau terus duduk, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya, “Wahai Sulaik bangunlah dan solatnya dua rakaat dan ringkaskan rakaatnya. Kemudian Baginda s.a.w. bersabda, “Apabila seseorang kamu datang pada hari Jumaat walaupun imam sedang berkhotbah, hendaklah dia bersolat dua rakaat dan ringkaskan rakaatnya.”

(Muslim)

Manakala tuntutan duduk dalam halaqah ilmu pula ada dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadis yang lain (Al-Bukhari, 1994: 139/1; Muslim, 2001: 836; al-Tarmidzi, 1994: 332/4; Malik, 2003: 589),

عَنْ أَبِي وَقْدِ اللَّيْثِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَمَا هُوَ جَالِسٌ فِي الْمَسْجِدِ وَالنَّاسُ مَعَهُ إِذْ أَقْبَلَ ثَلَاثَةٌ نَفَرٌ فَأَقْبَلَ اثْنَانِ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَذَهَبَ وَاحِدٌ قَالَ فَوَقَفَا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَمَّا أَحَدُهُمَا فَرَأَى فُرْجَةَ فِي الْحَلَقَةِ فَجَلَسَ فِيهَا وَأَمَّا الْآخَرُ فَجَلَسَ خَلْفَهُمْ وَأَمَّا الثَّلَاثُ فَأَدْبَرَ ذَاهِبًا فَلَمَّا فَرَغَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَلَا أُخْبِرُكُمْ عَنِ النَّفَرِ الثَّلَاثَةِ أَمَّا أَحَدُهُمْ فَأَوَى إِلَى اللَّهِ فَأَوَاهُ اللَّهُ وَأَمَّا الْآخَرُ فَاسْتَحْيَا فَاسْتَحْيَا اللَّهُ مِنْهُ وَأَمَّا الْآخَرُ فَأَعْرَضَ فَأَعْرَضَ اللَّهُ عَنْهُ.

Terjemahan: Abu Waqid al-Laithi melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. ketika dia sedang duduk di dalam masjid dan para sahabat pula mengelilingi Baginda s.a.w., tatkala itu datang tiga orang, lalu dua orang bertemu dengan Rasulullah s.a.w. dan seorang lagi pergi. Abu Waqid menambah, “Lalu kedua-dua berhenti di hadapan Rasulullah s.a.w. dengan salah seorang daripada mereka melihat ruang bersama dalam halqah dan seterusnya dia duduk mengambil bahagian. Adapun yang satu lagi duduk di belakang halqah. Adapun orang yang ketiga terus pergi. Kemudian selepas selesai sesi (ilmu) itu, Rasulullah s.a.w. bersabda, “Hendakkah aku khabarkan kepada kamu tentang tiga orang tadi. Adapun salah seorang daripada mereka mahu berada dalam lindungan Allah S.W.T. (dengan mengikuti halqah), maka Allah melindunginya. Adapun yang seorang lagi dia malu, maka Allah S.W.T. juga malu dengannya, adapun yang seorang lagi dia berpaling, maka Allah S.W.T. juga berpaling daripadanya.”

(Al-Bukhari dan Muslim)

Jika tidak terdapat halaqah ilmu, duduk beriktikaf di tempat yang seseorang itu solat tanpa beralih tempatnya merupakan tuntutan yang utama. Ini kerana dia dikira sedang sibuk beribadat, beriktikaf serta para malaikat pula sebak mendoakan keampunan dan rahmat untuknya. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadis (al-Bukhari, 1994: 131/1; al-Nasa’i, 1930: 55/2; Abu Dawud, 1994: 123; Ibn Majah, t.thn.: 262/1; Ahmad, 1994: 303/1; al-Darimi, t.thn.: 327/1).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمَلَائِكَةُ تُصَلِّي عَلَى أَحَدِكُمْ مَا دَامَ فِي مَضَلَّةِ الَّذِي صَلَّى فِيهِ مَا لَمْ يَحْدِثْ تَقُولُ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ.

Terjemahan: Abu Hurairah r.a. melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Para Malaikat mengucapkan selawat ke atas seorang kamu yang tetap duduk di tempat

duduk solatnya selagi dia tidak berhadap dengan doa: “Ya Allah! Ampunilah dia. Ya Allah! Rahmatilah dia.”

(al-Bukhari)

Membersih dan Memberikan Sumbangan kepada Masjid

Masjid merupakan rumah Allah S.W.T. Justeru, itu sesiapa yang memberikan sumbangan penjagaan di rumah Allah S.W.T. dalam apa jua bentuk akan diganjar oleh Allah S.W.T. dengan ganjaran yang sebaik-baiknya. Seheingakan membuang kotoran yang terdapat di dalam masjid dianggap pekerjaan yang besar dan diganjar dengan ganjaran yang besar. Sebaliknya pula, jika seseorang itu membuat kekotoran atau sampah di dalam masjid, dia dikira berdosa sehingga dia membersihkannya semula. Tentang ganjaran sumbangan amal manusia dalam membersihkan masjid ada diceritakan dalam satu cerita (Muslim, 2001: 336, Ibn Majah, t.thn.: 489/1)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ امْرَأَةً سَوْدَاءَ كَانَتْ تَقِمُ الْمَسْجِدَ أَوْ شَابًا فَقَفَدَهَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فَسَأَلَ عَنْهَا أَوْ عَنْهُ فَقَالُوا مَاتَ قَالَ أَفَلَا كُنْتُمْ آذَنْتُمُونِي قَالَ فَكَأَنَّهُمْ صَغَرُوا أَمْرَهَا أَوْ أَمْرَهُ فَقَالَ دَلُونِي عَلَى قَبْرِهِ فَدَلُوهُ فَصَلَّى عَلَيْهَا ثُمَّ قَالَ إِنَّ هَذِهِ الْقُبُورَ مَمْلُوءَةٌ ظِلْمَةً عَلَى أَهْلِهَا وَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَنْوِرُهَا لَهُمْ بِصَلَاتِي عَلَيْهِمْ.

Terjemahan: Abu Hurairah r.a. melaporkan bahawa seorang wanita atau pemuda hitam selalu membersihkan masjid. Kemudian Rasulullah s.a.w. menyedari ketiadaanya lalu bertanya tentangnya. Para sahabat menjawab, “Dia telah meninggal dunia.” Rasulullah bersabda, “Adakah kamu tidak membenarkanku (solat jenazah untuknya dengan tidak memberitahuku tentang kematiannya). Abu Hurairah r.a. menambah, “Lalu seolah-olah para sahabat memperkecil-kecilkan amal pekerjaan wanita atau pemuda tersebut.” Kemudian Baginda s.a.w. bersabda, “Tunjukkan aku kuburnya.” Lalu Rasulullah s.a.w. mensolatkannya kemudian Baginda s.a.w. bersabda, “Semua ahli kubur ini dipenuhi

kegelapan kerana kedatangannya dan kemudian Allah S.W.T. telah meneranginya untuk mereka kerana solatku kepada mereka.”

(Muslim)

Hadis ini menggambarkan bahawa kedudukan orang yang memberikan sumbangan sama ada dalam bentuk khidmat atau sebagainya kepada masjid dianggap oleh Rasulullah s.a.w. sebagai satu sumbangan yang besar. Tentang ganjaran sumbangan amal ini pula, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda (Ibnu Majah, t.thn.: 250/1),

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ أَخْرَجَ أَدْنَى مِنْ الْمَسْجِدِ بَنَى اللَّهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ.

Terjemahan: Abu Sa'id al-Khudri melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesiapa yang membuang kotoran dari dalam masjid, Allah S.W.T. akan membinakan untuknya satu rumah di dalam syurga.”

(Ibnu Majah)

Kefahaman tentang ganjaran sumbangan kepada masjid inilah yang menyebabkan para sahabat berbangga kepada seorang tabiin, iaitu Tamin al-Dari yang mula-mula memberikan cahaya pelita di dalam masjid. Ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh satu athar (Ibnu Majah, t.thn.: 250/1),

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ أَوَّلُ مَنْ أَسْرَجَ فِي الْمَسَاجِدِ تَمِيمُ الدَّارِيُّ.

Terjemahan: Abu Sa'id al-Khudri r.a. melaporkan bahawa orang yang pertama yang menghidupkan pelita di dalam Masjid adalah Tamin al-Dari.”

(Ibnu Majah)

Manakala membuat kekotoran dan sebagainya pula merupakan satu dosa di sisi Nabi s.a.w. Hal ini sebagaimana diriwayatkan dalam satu hadis (al-Bukhari, 1994: 135/1; Muslim, 2001: 199; Abu Dawud, 1994: Kitab al-Solat; 1994: al-Nasa'i, 1930: 55/2; Ahmad, 463/4, t.thn.: 324/1),

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ ﷺ الْبِرَاقُ فِي الْمَسْجِدِ خَطِيئَةٌ
وَكَفَّارَتُهَا دَفْنُهَا.

Terjemahan: Anas bin Malik melaporkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, “Kahak dan ludah dalam masjid adalah dosa dan kifarahnya dengan menimbuskannya (membuangkannya).”

(Al-Bukhari dan Muslim)

LARANGAN KETIKA DI DALAM MASJID

Larangan ketika di dalam masjid terdiri dalam perkara yang makruh dilakukan. Perkara yang haram dilakukan ialah melintasi orang yang sedang solat. Manakala perkara yang makruh pula terdiri daripada menghunus senjata, berjual beli, bertengkar, meninggikan suara dan menjalankan hukuman hudud.

Melintasi orang yang sedang solat

Melintasi orang yang sedang solat adalah makruh menurut hadis. Seheingakan jika seseorang mengetahui dosa melintasi orang yang sedang solat dengan sengaja, nescaya dia sanggup menunggu sehingga 40 tahun sekalipun, bahkan menunggu dengan tempoh itu lebih baik daripada melintasi orang yang sedang solat (Ibn Hajar al-Asqalani, 2000: 710/1). Rasulullah s.a.w. ada bersabda (al-Bukhari, 1994: 139/1; Muslim, 2001: 184; Abu Dawud, 1994: Kitab al-Solat; Ahmad, 1994: 63/6; al-Darimi, t.thn.: 329/1),

عَنْ أَبِي جُهَيْمٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَوْ يَعْلَمُ الْمَارُّ بَيْنَ يَدَيِ الْمُصَلِّيِّ مَاذَا عَلَيْهِ لَكَانَ أَنْ يَقِفَ أَرْبَعِينَ حَيْرًا لَهُ مِنْ أَنْ يَمُرَّ بَيْنَ يَدَيْهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا أَوْ شَهْرًا أَوْ سَنَةً.

Terjemahan: Abu Juhaïm r.a. melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Kalaulah orang yang melintasi di hadapan orang yang sedang solat tahu apa (dosa) yang dia dapat kerana melintasinya, nescaya dia akan berhenti menunggu orang itu solat selama 40 hari atau 40 bulan atau 40 tahun.”

(Al-Bukhari dan Muslim)

Dosa ini ada alasannya. Orang yang sedang solat merupakan orang yang sedang mengadap dan berkomunikasi dengan Allah S.W.T. Sudah tentu mengganggu proses pengadapan ini merupakan satu kesalahan yang berat.

Meninggikan Suara

Meninggikan suara dalam masjid sama ada menjerit, melaung, bertengkar, bergaduh dan sebagainya merupakan amalan yang amat dilarang oleh agama. Sedangkan membaca al-Quran dengan kuat juga adalah dilarang ketika ada orang yang sedang solat di dalam masjid, apatah lagi membuat perkara-perkara yang tidak disyariatkan secara kuat. Satu athar menceritakan (al-Bukhari, 1994: 138/1),

عَنْ السَّائِبِ بْنِ يَزِيدَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كُنْتُ قَائِمًا فِي الْمَسْجِدِ فَحَصَبَنِي رَجُلٌ فَنَظَرْتُ فَإِذَا عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ فَقَالَ أَذْهَبُ فَأَتِنِي بِهِدِينَ فَجِئْتُهُ بِهِمَا قَالَ مَنْ أَنْتُمْمَا أَوْ مِنْ أَيْنَ أَنْتُمَا قَالَا مِنْ أَهْلِ الطَّائِفِ قَالَ لَوْ كُنْتُمَا مِنْ أَهْلِ الْبَلَدِ لَأَوْجَعْتُكُمْمَا تَرْفَعَانِ أَصْوَاتَكُمْمَا فِي مَسْجِدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Terjemahan: Al-Saib ibn Yazid r.a. melaporkan bahawa satu ketika sedang dia berdiri dalam masjid, tiba-tiba aku dilemparkan dengan batu kecil oleh seorang lelaki, lalu aku melihatnya dan aku dapati dia adalah ‘Umar ibn al-Khattab. Kemudian ‘Umar berkata, “Bawakan aku kedua-dua orang ini.” Lalu aku membawakannya kedua-dua orang tersebut. ‘Umar pun bertanya, “Siapa kamu atau dari mana kamu datang?” Lalu kedua-dua lelaki tersebut berkata, “Daripada negeri Taif.” Umar berkata, “Kalaulah kamu penduduk negeri ini sudah tentu aku hukum kamu. Kamu meninggikan suara kamu di dalam masjid Rasulullah s.a.w.”

(Al-Bukhari)

Bahkan orang yang mencetuskan hingar bingar atau kecoh kerana mencari barang hilang di masjid disunatkan mendoakan agar barangnya tidak dijumpai. Ini sebagaimana yang disuruh oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadis (Muslim, 2001: 203; al-Nasa’i, 1930: 48/2; Ibn Majah, t.thn.: 252/1),

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مَنْ سَمِعَ رَجُلًا يَنْشُدُ ضَالَّةً فِي الْمَسْجِدِ فَلْيَقُلْ لَا رَدَّهَا اللَّهُ عَلَيْكَ فَإِنَّ الْمَسَاجِدَ لَمْ تَبْنِ لِهَذَا.

Terjemahan: Abu Hurairah r.a. melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Sesiapa yang mendengar seseorang mencari barang hilang di dalam masjid hendaklah dia mendoakannya dengan doa,

لَا رَدَّهَا اللَّهُ عَلَيْكَ

Terjemahan: Mudah-mudahan Allah tidak mengembalikannya semula kepadamu.”

Ini kerana masjid bukan dibina untuk tujuan ini (mencari barang hilang).”

(Muslim)

Hadis ini bermaksud bahawa masyarakat jangan jadikan masjid sebagai tempat untuk mengumumkan barang mereka yang hilang agar dipulang atau ditunjukkan seperti kehilangan kereta dan sebagainya. Ini kerana tujuan masjid dibina adalah untuk manusia beribadat. Sebab itu, sunat membaca doa ini jika terdengar ada orang yang mencari barang mereka yang hilang.

Berjual Beli

Masjid merupakan tempat khusus untuk umat Islam berkumpul dan beramal bagi menghasilkan bekalan akhirat melalui ibadat sunat atau sekurang-kurangnya dengan duduk beriktikaf. Tempat untuk menghasilkan keuntungan dunia pula sudah tidak terkira lagi banyak tempatnya. Justeru, adalah satu perkara tidak masuk akal, masjid juga mahu dijadikan tempat untuk meraih keuntungan dunia dengan berjual beli di dalamnya.

Berjual beli di dalam masjid adalah makruh mengikut Imam al-Nasa'i (1986: 73) bahkan jika umat Islam melihat orang yang berjual dalam masjid, mereka disunatkan untuk mendoakan orang ini dengan doa,

لَا أُرِيحَ اللَّهُ تِجَارَتَكَ

Terjemahan: Mudah-mudahan Allah tidak menguntungkan perniagaanmu.

Suruhan ini sebagaimana yang disuruh oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadis (al-Tarmidzi, 1994: 59/3; al-Darimi, t.thn.: 326/1),

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا رَأَيْتُمْ مَنْ يَبِيعُ أَوْ يَبْتَاعُ فِي الْمَسْجِدِ فَقُولُوا لَا أُرِيحُ اللَّهُ تِجَارَتَكَ.

Terjemahan: Abu Hurairah r.a. melaporkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, “Apabila kamu nampak orang berjual di dalam masjid, hendaklah kamu mendoakan,

لَا أَرْجِي لَكَ تِجَارَةً

(Al-Tarmidzi dan al-Darimi)

Selain makruh menjual dalam masjid, orang yang membeli juga dimakruhkan di dalam masjid. Ini berdasarkan hadis, (Abu Dawud, 1994: 123/1),

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ نَهَى عَنْ تَنَاشُدِ الْأَشْعَارِ فِي الْمَسْجِدِ وَعَنِ الْبَيْعِ وَالِاشْتِرَاءِ فِيهِ وَأَنَّ يَتَحَلَّقَ النَّاسُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ قَبْلَ الصَّلَاةِ.

Terjemahan: ‘Amru bin Shuib melaporkan daripada bapanya daripada datuknya bahawa Rasulullah s.a.w. menegah daripada melagukan syair, berjual beli di dalam masjid dan daripada membentuk halqah orang ramai pada hari Jumaat sebelum solat.’

(Abu Dawud)

PERKARA YANG HARUS DI DALAM MASJID

Ada juga berlaku di sesetengah masjid yang jawatankuasa masjid tidak membenarkan kanak-kanak datang ke masjid; tidak membenarkan orang ramai beriktikaf dan tidur; serta tidak membenarkan orang bukan Islam daripada masuk ke dalamnya. Tindakan ini bertentangan pula dengan syariat yang dianjurkan dalam adab masjid kerana mempunyai keutamaan dalam pengharusan perkara ini.

Kanak-kanak dalam Masjid

Walaupun ada hadis yang melarang membawa kanak-kanak (Ibnu Majah, t.thn.: 247/1) tetapi larangan ini adalah untuk kanak-kanak yang tidak diselia oleh ibu bapa mereka. Jika mereka membawa kanak-kanak dengan tujuan untuk membiasakan mereka dengan masjid dan amal ibadah, hal ini tidak menjadi masalah. Ini berdasarkan perbuatan Nabi s.a.w. sendiri dalam sebuah hadis (al-Nasa'i, 1930:35-36/2; Abu Dawud, 1994: Kitab al-Solat),

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ بَيْنَا نَحْنُ جُلُوسٌ فِي الْمَسْجِدِ إِذْ خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ يَحْمِلُ أُمَامَةَ بِنْتَ أَبِي الْعَاصِ بْنِ الرَّبِيعِ وَأُمَهَا زَيْنَبُ بِنْتُ رَسُولِ اللَّهِ وَهِيَ صَبِيَّةٌ يَحْمِلُهَا فَصَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهِيَ عَلَى عَاتِقِهِ يَضَعُهَا إِذَا رَكَعَ وَيُعِيدُهَا إِذَا قَامَ حَتَّى قَضَى صَلَاتَهُ يَفْعَلُ ذَلِكَ بِهَا.

Terjemahan: Abu Qatadah r.a. melaporkan bahawa ketika kami duduk dalam masjid, Rasulullah s.a.w. keluar dari rumahnya kepada kami dengan membawa Umamah binti Abu al-As ibn al-Rabi', ibunya pula Zainab binti Rasulullah s.a.w. yang masih kecil. Lalu Rasulullah s.a.w. solat sedangkan anak itu diletakkan di atas bahunya. Baginda s.a.w. meletakkan anak tadi ke lantai apabila dia rukuk dan meletakkannya kembali di bahu apabila berdiri. Hal ini sehinggalah Baginda s.a.w. selesai solatnya."

(Al-Nasa'i dan Abu Dawud)

Tidur dan Tinggal di dalam Masjid

Tidur dalam masjid dengan niat beriktikaf merupakan amalan yang diharuskan dalam Islam. Bahkan jika ruang waktu sebelum seseorang itu tidur dengan keadaan masih berwuduk, dia akan diganjarkan pula dengan pahala iktikaf, iaitu seolah-olah sedang sibuk beribadat. Apa yang perlu dijaga sewaktu rehat dan tidur di dalam masjid ialah menjaga kekotoran seperti air liur basi, mazi dan bau peluh yang tidak menyenangkan daripada jatuh ke dalam

masjid. Amalan tidur di dalam masjid ini biasa diamalkan oleh sahabat sebagaimana dalam satu riwayat (Ibnu Majah, t.thn.: 248/1),

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ كُنَّا نَنَامُ فِي الْمَسْجِدِ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

Terjemahan: Ibnu Umar r.a. melaporkan bahawa kami para sahabat biasa tidur di masjid ketika zaman Rasulullah s.a.w.”

(Ibnu Majah)

Bahkan pada zaman Rasulullah s.a.w., ada satu sudut masjid Nabi s.a.w. yang sememangnya dikhususkan kepada orang ramai yang tidak mempunyai rumah. Sudut ini dikenali sebagai suffah dan orang yang tinggal di sudut itu dikenali sebagai ahli suffah. Sebuah hadis menceritakan (Ibnu Majah, t.thn.: 248/1),

عَنْ يَعْيشَ ابْنَ قَيْسِ بْنِ طَخْفَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا حَدَّثَهُ عَنْ أَبِيهِ وَكَانَ مِنْ أَصْحَابِ الصُّفَّةِ قَالَ قَالَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْطَلِقُوا فَاَنْطَلَقْنَا إِلَى بَيْتِ عَائِشَةَ وَأَكَلْنَا وَشَرَبْنَا فَقَالَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنْ شِئْتُمْ نَمْتَمُ هَا هُنَا وَإِنْ شِئْتُمْ أَنْطَلِقْتُمْ إِلَى الْمَسْجِدِ قَالَ فَقُلْنَا بَلْ نَنْطَلِقُ إِلَى الْمَسْجِدِ.

Terjemahan: Ya'ish ibn Qais ibn Takhfah melaporkan daripada bapanya bahawa sahabat-sahabat Nabi s.a.w. daripada ahli Suffah berkata, “Rasulullah s.a.w. berkata kepada kami, “Ayuhlah semua ikut.” Lalu kami pun mengikut Nabi s.a.w. pergi ke Rumah A'ishah r.a. dan makan dan minum di sana. Setelah selesai Baginda s.a.w. bersabda, “Kalau kamu suka kamu boleh tidur di sini, atau boleh balik semula ke masjid.” Lalu kami pun berkata, “Bahkan kami balik semula ke masjid.”

(Ibnu Majah)

Suasana masjid seperti ini yang menjadi pusat kebajikan kepada orang miskin dan orang yang tidak mempunyai rumah sudah sepatutnya diwujudkan semula pada zaman ini. Keperluan ini bahkan semakin mendesak agar umat Islam terutamanya golongan remaja yang tidak mempunyai hala tujuan boleh menjadikan masjid sebagai pusat persinggahan yang dipantau. Ini juga merupakan pendidikan kepada masyarakat supaya jiwa mereka dekat dengan masjid. Kewujudan golongan ini di masjid juga boleh memberikan peluang kepada golongan kaya untuk bersedekah dan memberi makan kepada golongan ini sebagaimana yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. dan sebagaimana yang diriwayatkan dalam hadis ini.

Musyrik Boleh Berada dalam Masjid

Dakwah yang berkesan di kalangan bukan Islam adalah dakwah dengan bil al-hal. Golongan bukan Islam seharusnya dibiasakan dengan amalan Islam yang menunjukkan bagaimana cara ibadat, muamalat dan akhlak Islam dipraktikkan. Kebiasaannya golongan yang soleh yang boleh dijadikan contoh dan ikutan dan model terdapat di masjid dan bukannya orang yang tidak biasa dengan masjid. Justeru itu, membenarkan orang bukan Islam masuk ke dalam masjid dengan tujuan mengenalkan mereka mengenali Islam adalah diharuskan. Satu hadis menceritakan (al-Bukhari, 1994: 136/1, Muslim, 2001: 680; Abu Dawud, 1994: Kitab al-Jihad; al-Nasa'i, 1930: 46/2),

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ بَعَثَ النَّبِيُّ ﷺ خَيْلًا قَبْلَ نَجْدٍ فَجَاءَتْ بِرَجُلٍ مِنْ بَنِي حَنِيفَةَ يُقَالُ لَهُ ثُمَامَةُ بْنُ أُثَالٍ فَرِيطُوهُ بِسَارِيَةَ مِنْ سُوَارِي الْمَسْجِدِ فَخَرَجَ إِلَيْهِ النَّبِيُّ ﷺ فَقَالَ أَطْلِقُوا ثُمَامَةَ فَانْطَلَقَ إِلَى نَخْلٍ قَرِيبٍ مِنَ الْمَسْجِدِ فَاغْتَسَلَ ثُمَّ دَخَلَ الْمَسْجِدَ فَقَالَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ.

Terjemahan: Abu Hurairah r.a. melaporkan bahawa Nabi s.a.w. ada mengutuskan satu pasukan kuda ke Najd, pasukan ini balik dengan membawa seorang tawanan lelaki dari Banu Hanifah yang dipanggil Sumamah bin Uthal. Lalu mereka mengikatnya di salah satu tiang di dalam masjid. Kemudian Nabi keluar dari rumahnya ke masjid dan bersabda, “Lepaskan Thumamah!” Lalu Thumamah pun pergi ke sephohon kurma yang terdekat dengan masjid lalu mandi kemudian masuk kembali ke masjid dan berkata,

فَقَالَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

(Al-Bukhari dan Muslim)

Tujuan Thumamah diikat di tiang masjid adalah untuk memperlihatkan kepadanya keindahan Islam. Cerita ini membuktikan bahawa dakwah dengan qudwah hasanah juga adalah satu dakwah yang berkesan sehingga Thumamah boleh memeluk Islam dengan sendirinya.

RUMUSAN

Tatacara adab ketika berada dalam masjid merupakan protokol umum yang perlu dipatuhi oleh umat Islam ketika berada di dalamnya agar rahmat Allah S.W.T. dan keberkatan dapat diperolehi oleh pengunjungnya seterusnya dibawa balik ke rumah masing-masing. Bahkan menjaga protokol ini menyebabkan pengunjung memperoleh keselamatan daripada syaitan untuk sepanjang hari dan mereka juga memperolehi pahala yang besar di sisi Allah S.W.T. Justeru, peraturan dan protokol ini adalah sewajarnya dijadikan panduan dan pegangan kepada umat Islam ketika mengunjungi masjid-masjid Allah S.W.T.

RUJUKAN

- Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Dawud, Sulaiman al-Ash‘ath al-Sajastani. 1994. Sunan Abu Dawud. Jld. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Tarmidzi, Abu Isma'il, Muhammad 'Isa. 1994. Sunan al-Tirmidhi Wa-hua al-Jami' al-Mukhtasar Min al-Sunani 'an Rasulullah s.a.w. wa-Makrifat al-Sahih wa-al-Ma'lul wa-Maklul wa Ma 'alaih al-Amal. Jld. 1-5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Hambal, Abu 'Abdullah ibn Muhammad ibn Hambal ibn Hilal al-Shaibani. 1994. Musnad li al-Imam Ahmad ibn Hambal. Juz. 1-12. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Al-Bijairimi, Sulaiman Muhammad 'Umar al-Shafii. t.thn. Al-Bijairimi 'ala al-Khatib. Mesir: al-Maktabah al-Taufiqiyah.
- Al-Bijairimi, Sulaiman. 1998. Bijairimi 'ala al-Khatib. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bukhari, Abu 'Abdullah Muhammad Isma'il bin Ibrahim ibn al-Mughirah Bardazbah al-Ja'fari. 1994. Sahih al-Bukhari. Jld. 1-4. Dar al-Fikr: Bairut.
- Al-Darimi, Abu Muhammad 'Abdullah Bahram al-Darimi. t.thn. Sunan al-Darimi. Jld. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i, Abu Abd al-Rahman Ahmad Shuaib Ali Bahr Sinan Dinar al-Nasa'i. t.thn. Sunan al-Nasa'i bi-Sharh al-Hafiz Ijlal al-Din al-Suyuti Wa-Hashiah al-Imam al-Sundi. Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i, Abu Abd al-Rahman Ahmad Shuaib Ali Bahr Sinan Dinar al-Nasa'i. 1986. Matn 'Amal al-Yaum wa al-Lailah. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Syarbini, Sheikh Shams al-Din Muhammad al-Khatib. 2004. Mugni al-Muhtaj ila Ma'rifati Ma'ani alfaz al-Minhaj. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Tabari, al-Imam Jarir. 2001. Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Quran. Juz. 1-30. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Majah, 'Abu 'Abdullah Muhammad bin Yazid al-Qazwaini. t.thn. Sunan Ibn Majah. Jld. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hajar al-Asqalani, al-Imam al-Hafiz Ahmad bin Ali. 2000. Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari. Jld. -13. Al-Qahirah: Maktabah al-Ilm.

- Ibnu Manzur, Jamal Al-Din Muhammad Ibn Mukram, (1990).
Lisan al-^cArab. Bairut: Dar Sadir, Jilid 1-15.
- Malik bin Anas r.a., al-Imam. 2003. Al-Muwatta'. Beirut: Dar
Ihya' al-Turath al-'Arabiyy
- Muhammad Khidir bin Hussain bin bin Ibrahim. 2006. Taklimatu
Ziyadat al-I'alah fi Majmu' Ahkam Solat al-Jama'ah.
Institut Pengajian Tinggi Islam Johor: Johor Bahru, Johor.
- Muslim, Abu al-Husain al-Hajjaj ibn Muslim al-Qushairi al-
Nisaburi. 2001. Al-Jami' al-Sohih. Beirut: Dar al-Fikr.